



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services
Sdn Bhd
www.salihin.com.my



SOROTAN BAJET CUKAI 2011

BAHAGIAN 2

SUSULAN daripada siri yang lepas, berikut adalah sebahagian lagi pengecualian yang diterima pembayar cukai.

Pengeluar Bahan Makanan

Pemberian galakan cukai sedia ada bagi sektor agromakanan dan industri asas tani telah dikekalkan. Galakan cukai tersebut telah dilanjutkan selama lima tahun lagi bagi aktiviti pengeluaran bahan makanan yang diluluskan. Galakan tersebut adalah bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sehingga 31 Disember 2010. Lanjutan galakan tersebut berkuatkuasa bermula 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2015.

Barangan Pelancongan Dan Kegunaan Harian

Bermula jam 4.00 petang 15 Oktober 2010, duti import telah dimansuhkan ke atas barangan pelancongan dan kegunaan harian seperti berikut:-

- Beg tangan, dompet, bagasi, beg bimbit, pakaian, kasut dan topi (duti antara 5 peratus hingga 30 peratus);
- Barang kemas, barang kemas tiruan dan barang perhiasan (duti antara 5 peratus hingga 20 peratus);
- Barangan mainan dan model mainan berskala kecil (duti antara 5 peratus hingga 20 peratus);
- Bedak talkum, bedak muka dan syampu (duti antara 10 peratus hingga 20 peratus); dan
- Cadar, selimut, langsir dan alas meja (duti antara 5 peratus hingga 25 peratus).

Sambungan Terakhir Perkhidmatan Jalur Lebar

Galakan berupa pengecualian cukai pendapatan dan pengecualian duti import diberikan untuk permohonan yang diterima sehingga 31 Disember 2010. Bagi pengecualian cukai pendapatan, permohonan perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan bagi pengecualian duti import, permohonan perlu dikemukakan kepada MIDA.

Lanjutan galakan tersebut telah dilanjutkan selama

dua tahun lagi bermula 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2012.

Telefon Bimbit

Bermula jam 4.00 petang 15 Oktober 2010, pengecualian cukai jualan ke atas PDA with GSM telah diperluaskan kepada telefon bimbit biasa.

Kenderaan Nasional Untuk Orang Kurang Upaya (OKU)

Pengecualian 100 peratus duti eksais diberi ke atas kereta nasional tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Pengecualian tersebut telah diperluaskan kepada OKU yang tidak berkeupayaan pendengaran dan pertuturan. Permohonan perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bermula 18 Oktober 2010.

Perbelanjaan Perubatan Dan Penjagaan Ibu Bapa

Skop pelepasan cukai sehingga RM5 000 yang layak dituntut oleh pembayar cukai individu telah diperluaskan seperti berikut:-

- Perbelanjaan rawatan dan perubatan oleh pusat perubatan berdaftar, farmasi berdaftar dan kedai ubat-ubatan berlesen;
- Perbelanjaan bagi penjaga ibu bapa (tidak termasuk individu yang menuntut pelepasan, suami/isteri dan anak-anaknya). Bagi penjaga warga negara asing, penjaga tersebut hendaklah memiliki visa/permit kerja khas;
- Perbelanjaan keperluan khas yang diperakukan oleh pengamal perubatan bertauliah.
- Lanjutan pelepasan cukai tersebut bermula Tahun Taksiran 2011.

Surat Cara Pindah Milik Rumah Kediaman

Pengecualian duti setem sebanyak 50 peratus diberi ke atas surat cara pindah milik sesebuah rumah kediaman

yang berharga tidak melebihi RM350 000. Pengecualian ini layak dituntut sekali sahaja dalam tempoh pengecualian. Rumah kediaman tersebut termasuk rumah teres, kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa. Perjanjian jual beli yang disempurnakan perlu bermula 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2012.

Surat Cara Perjanjian Pinjaman Bagi Rumah Kediaman

Pengecualian duti setem sebanyak 50 peratus diberi ke atas surat cara perjanjian sesebuah rumah kediaman yang berharga tidak melebihi RM 350 000. Pengecualian ini layak dituntut sekali sahaja dalam tempoh pengecualian. Rumah kediaman tersebut termasuk rumah teres, kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa. Perjanjian jual beli yang disempurnakan perlu bermula 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2012.

Kadar Cukai Perkhidmatan

Bermula 1 Januari 2011, kadar cukai perkhidmatan telah dikaji semula dan telah dinaikkan daripada 5 peratus kepada 6 peratus. Kenaikan ini adalah bagi membantu meningkatkan hasil cukai untuk pembangunan negara.

Penyiaran Televisyen Berbayar

Bermula 1 Januari 2011, cukai perkhidmatan pada kadar 6 peratus akan dikenakan ke atas yuran langganan bulanan penyiaran televisyen berbayar tersebut.

Caruman Kepada Dana Pencen Persendirian

Pelepasan cukai kepada pencarum KWSP juga akan dilanjutkan kepada pencarum Dana Pencen Persendirian terhad kepada RM6 000 bermula Tahun Taksiran 2011.

Rebat Bagi Levi/Yuran

Rebat cukai bagi levi/yuran yang dibayar ke atas pas pekerja, pas lawatan atau pas kerja akan dimansuhkan bermula Tahun Taksiran 2011.

Premium Anuiti KWSP

Pelepasan cukai sebanyak RM1 000 diberikan kepada pembayar premium anuiti KWSP akan dimansuhkan mulai Tahun Taksiran 2011.

Larangan Meninggalkan Malaysia

Larangan meninggalkan Malaysia telah diperluaskan kepada pembayar cukai yang tidak menjelaskan penalti lambat bayar bagi sebarang bayaran ansuran cukai di bawah Seksyen 107B(3) dan 107C(9).

Elaun Pelaburan Semula (EPS)

Isu yang sering timbul iaitu sama ada sesebuah syarikat boleh menuntut TP dan EPS dalam tempoh asas yang sama di mana perkataan 'tempoh' dalam Jadual 7A Perenggan 7a adalah agak samar. Dengan peruntukan baru ini, adalah telah ditetapkan bahawa TP dan EPS tidak boleh dituntut

dalam tempoh asas yang sama (mutually exclusive).

Cukai Pegangan

Penalti di bawah Seksyen 113(2) akan dikenakan bagi kesalahan tidak membuat bayaran cukai pegangan dan menuntut perbelanjaan tersebut dalam pengiraan cukai.

Bayaran Dividen Melebihi Baki Seksyen 108


Bagi sesebuah syarikat yang membuat pembayaran dividen melebihi baki Seksyen 108, kerajaan berhak menuntut kembali lebihan bayaran tersebut di bawah Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967. Tuntutan ini bermula Tahun Taksiran 2008.

Pertukaran Maklumat Cukai

Di bawah Seksyen 132 berkenaan Perjanjian Pengegalkan Pencukaaian Dua Kali, skop maklumat cukai antara negara-negara yang berkaitan akan diperluaskan kepada semua jenis percukaian. Seksyen 132A diperkenalkan bagi membenarkan pertukaran maklumat cukai dengan negara-negara yang tidak terlibat dalam perjanjian tersebut.

Penggunaan Baki Kredit

Di bawah Seksyen 111(4A) Akta Cukai Pendapatan 1967, baki kredit boleh digunakan untuk menyelesaikan bayaran cukai sama ada Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 atau Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan di bawah Seksyen 111(4B) adalah sebaliknya.

Tuntasnya, segala perubahan berkaitan percukaian memainkan peranan penting dalam mencorakkan landskap ekonomi negara pada masa hadapan. Beberapa aspek penting seperti peningkatan pelaburan swasta, pembangunan modal insan, juga pada masa yang sama memberi perhatian terhadap kesejahteraan rakyat serta memantapkan penyampaian perkhidmatan awam akan menjadi tunjang utama dalam bajet kali ini. 

PERCUMA!

KLINIK CUKAI
Walk-in Consultation (setiap Jumaat)
• 9.00 pagi - 12.00 tengahari
• 2.00 petang - 5.00 petang
atau email:
info@salihin.com.my (24 jam)
Sila hubungi untuk temujanji anda
di talian 603 61874678 atau email kami sekarang!!
** Tertakluk kepada terma dan syarat

Salihin Abang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM). Beliau merupakan ahli kepada beberapa badan profesional yang berkaitan perakaunan dan percukaian seperti Malaysia Institute of Accountant (MIA), Malaysia Institute of Taxation (MIT) dan Malaysia Association of Financial Planning. Kini merupakan rakan kongsi di firma audit Salihin & Associates, firma audit yang beliau tubuhkan pada tahun 2002.